

# 'ELAK DARI MEMBUAT ATAU MENERBIT KENYATAAN MENGHASUT'

# Jangan provokatif — Mahathir

## Renungan

DAN nafkahkanlah sebahagian dari hartanya yang Allah telah menjadikan kamu menguasainya. — Maksud Al-Quran/Al Hadis 7.

Oleh Hassan Mohd. Noor

**S**UBANG 21 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan semua pihak termasuk menteri kabinet dan akhbar supaya tidak bersikap provokatif sekiranya mereka mahu menjamin kestabilan dan keamanan negara.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa semua orang sama ada menteri kabinet atau akhbar sama - sama bertanggungjawab untuk kestabilan negara dan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang sensitif atau menghasut.

Beliau membuat ingatan ini semasa menjawab pertanyaan para pemberita yang inginkan pandangan beliau mengenai keadaan dalam negara sejak akhir - akhir ini khususnya perbalahan di kalangan ahli - ahli politik.

Perdana Menteri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di sini petang ini selepas menghadiri persidangan Ketua - Ketua Negara Komanwel di Vancouver, Canada.

"Saya menasihatkan surat khabar supaya memainkan peranan mereka secara bertanggungjawab. Jika kita mahukan kestabilan, kita tidak harus bersifat provokatif," katanya ketika ditanya sama ada beliau akan menasihatkan menteri - menteri supaya jangan lagi membuat kenyataan - kenyataan sensitif.

**LIHAT MUKA 6**

## JANGAN PROVOKATIF

"Kami menasihatkan setiap orang, tidak setakat menteri," tegas Perdana Menteri yang enggan mengulas lebih lanjut mengenai keadaan dalam negara sekarang.

Perdana Menteri berkata, beliau memerlukan keterangan lebih lanjut mengenai perkembangan terakhir yang berlaku dalam negara kerana beliau berada di luar negeri bagi menghadiri persidangan negara - negara Komanwel.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata, dalam keadaan sekarang ini, beliau tidak berani membuat komen sesuka hati kerana, katanya: "Komen ini lebih bahaya sekarang." Mengenai tercetusnya khabar - khabar angin kononnya berlaku rusuhan kaum di Kuala Lumpur ekoran peristiwa ala "Rambo" di Chow Kit, Ahad lalu, Perdana Menteri berkata, keadaan itu berlaku kerana sikap orang ramai yang sentiasa berfikir ke arah itu.

Katanya, peristiwa tersebut tidak ada kena mengena dengan masalah kaum.

"Dalam peristiwa itu, seorang Melayu terbunuh dan orang Cina cedera, ini bukan masalah kaum," katanya.

Ditanya mengenai perhimpunan yang akan diadakan oleh UMNO sebagai mengingati ulangtahun kelahiran UMNO, Perdana Menteri berkata, "saya akan meminta penjelasan dari setiasusaha (Datuk Sri Sanusi Junid)."

Mengenai desakan supaya Datuk Lee Kim Sai dipecat dari kerajaan, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu perkara tersebut kerana katanya: "Lihat, saya disambut oleh menteri MCA juga."

Ketibaan Perdana Menteri serta isteri disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba, menteri - menteri kabinet dari UMNO dan MCA termasuk Datuk Sri Najib Tun Razak, Datuk Lee Kim Sai, Datuk Sri Sanusi Junid.